

15 APR 1997

Mahathir-MSK

KESAN IT DIKAJI DI MSK SEBELUM DIPERLUAS KE SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kesan penggunaan teknologi maklumat dan multimedia secara meluas akan dikaji dengan terperinci di dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSK) sebelum penggunaan teknologi itu dapat diperluaskan ke seluruh negara.

Semasa menghuraikan projek itu buat kali pertamanya melalui sidang video di hadapan 13,000 penonton di seluruh negara, Perdana Menteri berkata langkah menghadkan penggunaan multimedia di dalam lingkungan MSK itu perlu bagi mengawal jika ada sesuatu kesan yang tidak diinginkan daripada teknologi itu dengan lebih berkesan.

"...kita tak hendak (teknologi) multimedia ini digunakan di seluruh negara, kalau-kalau ada bahaya atau kesan buruk daripadanya. Kalau berlaku sesuatu yang buruk kita dapat mengawalinya kerana kita hadkan kepada MSK," katanya.

Dengan adanya pengetahuan yang lebih mendalam mengenai cara-cara mengawal kesan buruk daripada teknologi maklumat dan multimedia, MSK akan dapat diperluaskan bagi meliputi seluruh negara.

Katanya, melalui MSK kerajaan akan mencari jalan bagi mengatasi masalah dalam penggunaan teknologi multimedia terutamanya cara menapis bahan-bahan lucah yang boleh didapati melalui Internet.

Walaupun sistem yang dapat berbuat demikian boleh diperolehi masa kini, ia masih belum sempurna dan terdapat banyak kecacatan yang perlu diperbaiki.

"Pada pendapat saya satu perjanjian persefahaman dengan negara-negara seluruh dunia perlu diadakan bagi mengawal maklumat yang disebarkan melalui Internet," katanya.

Namun demikian beliau menegaskan orang ramai perlu menerima hakikat bahawa maklumat melalui Internet sukar dikawal dan mereka perlu bijak memanfaatkan teknologi itu dengan memperkuatkan benteng pertahanan diri masing-masing.

MSK merupakan kawasan pembangunan teknologi maklumat dan multimedia seluas 15 km x 50 km meliputi Kuala Lumpur City Centre, Lapangan Terbang Antarabangsa baru di Sepang dan pusat pentadbiran kerajaan baru di Putrajaya.

Antara 10 jaminan yang diberi kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di dalam MSK ialah tiada sebarang penapisan akan dibuat terhadap maklumat yang diperolehi melalui Internet di dalam kawasan tersebut.

Ketika menjawab soalan daripada peserta Dr Mahathir berkata ada di antara aplikasi utama MSK terpaksa menunggu sehingga MSK maju beberapa tapak lagi sebelum ia dapat dilaksanakan.

Penggunaan kad pintar bagi semua rakyat Malaysia, misalnya, hanya akan dapat dilaksanakan setelah suatu standard tertentu bagi penggunaannya diadakan termasuk bagi negara-negara lain untuk membolehkan sistem yang serasi digunakan.

Namun begitu, katanya kerajaan akan meneruskan penyediaan kiosk-kiosk elektronik yang memudahkan orang ramai berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan dan pengurangan pengambilan lebih banyak kakitangan.

Kad Pintar itu akan menggunakan cip pintar yang dapat menyimpan pelbagai data untuk beberapa urusan dan mengawal pengeluaran data itu hanya kepada pihak yang berhak.

Perdana Menteri berkata walaupun insentif dan jaminan tertentu adalah

terhad kepada syarikat-syarikat MSC, syarikat-syarikat luar juga boleh menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di dalam kawasan itu.

Katanya, pembangunan bandar-bandar siber di negeri-negeri lain akan dihubungkan kepada MSC walaupun mereka tidak diberi insentif istimewa seperti syarikat-syarikat MSC.

Antara insentif itu ialah pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun, pengimportan bebas cukai bagi perkakas multimedia dan pemberian geran R&D bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan. -- BERNAMA
NI MAM NMO